



**SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN
KEMUDAHAN PERUBATAN DAN INSURANS MPOB**

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

ISI KANDUNGAN

BIL.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Soalan lazim berkaitan kemudahan perubatan MPOB	3 – 4
2.	Soalan lazim berkaitan kemudahan perubatan MPOB (Skim Kerajaan)	5 – 8
3.	Soalan lazim berkaitan kemudahan perubatan MPOB (Skim Lembaga) - Perubatan Am di klinik panel - Rawatan Pergigian - Rawatan Pakar di hospital swasta	9 – 19
4.	Soalan lazim berkaitan kemudahan insurans MPOB	20 – 24

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

1. SOALAN LAZIM BERKAITAN KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

SOALAN

Apakah senarai kemudahan perubatan yang diberikan oleh MPOB kepada anggota?

JAWAPAN

MPOB memberikan kemudahan perubatan kepada anggota seperti berikut:

1. Kemudahan Perubatan Skim Kerajaan:

- a. Mendapat rawatan secara percuma di hospital dan klinik berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan MPOB tahun 2002.
- b. Mendapatkan rawatan yang tidak dibekalkan dengan perakuan hospital/ klinik Kerajaan di hospital swasta.
- c. Kelayakan:

TARAF JAWATAN PEGAWAI/ PENGKHIDMAT	SIAPA YANG LAYAK
▪ Tetap	Anggota, keluarga dan ibu bapa yang sah
▪ Pesara	
▪ Kontrak (COS)	Anggota, keluarga dan ibu bapa yang sah (sepanjang perkhidmatan anggota sahaja)
KUMPULAN / GRED	KELAYAKAN BILIK
Pengurusan Tertinggi	Kelas 1 Bilik Seorang
45 - 54	Kelas 1 Bilik Seorang
31 - 44	Kelas 1 Bilik Berdua
21 - 30	Kelas 1 Bilik Bertiga
1 - 20	Kelas 2

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

2. Kemudahan Perubatan Skim Lembaga:

a. Kemudahan perubatan am.

- Had tahunan RM1,000 seorang anggota.
- Kelayakan: anggota, pasangan dan anak-anak yang berusia bawah 18 tahun atau bawah 21 tahun sekiranya masih belajar. Had umur ini tidak terpakai bagi anak-anak yang “daif” disebabkan kelemahan otak atau jasmani.

b. Kemudahan rawatan pergigian

- Had tahunan RM500 seorang anggota
- Kelayakan: anggota sahaja

c. Rawatan pakar di hospital swasta menggunakan surat jaminan MPOB

- Had surat jaminan MPOB yang ditetapkan:
 - Anggota: RM2,500
 - Keluarga: RM2,000
- Kelayakan: anggota, pasangan dan anak-anak yang berusia bawah 18 tahun atau bawah 21 tahun sekiranya masih belajar. Had umur ini tidak terpakai bagi anak-anak yang “daif” disebabkan kelemahan otak atau jasmani.

3. Perlindungan insurans MPOB:

- a. Insurans kemalangan diri berkelompok (GPA)
- b. Insurans penghospitalan dan pembedahan (GHS)
- c. Kelayakan: anggota sahaja

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

2. SOALAN LAZIM BERKAITAN KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB (SKIM KERAJAAN)

SKIM KERAJAAN

SOALAN

Adakah saya perlu membuat pembayaran di hospital Kerajaan?

JAWAPAN

Rawatan yang diberikan kepada anggota dan keluarga adalah ditanggung sepenuhnya oleh MPOB.

1. Anggota tetap boleh menggunakan eGL HRMIS semasa mendaftar di hospital Kerajaan.
2. Anggota kontrak boleh memohon GL daripada Unit Sumber Manusia.
3. Anggota juga boleh menuntut semula semua kos perbelanjaan yang dikeluarkan sendiri di hospital Kerajaan.

SOALAN

Siapa yang layak menggunakan kemudahan perubatan di hospital Kerajaan?

JAWAPAN

Anggota/pesara dan keluarga yang berkelayakan serta ibu bapa yang sah.

Walau bagaimanapun, terdapat rawatan yang tidak dibenarkan untuk ibu bapa seperti berikut:

1. rawatan perubatan di luar negeri
2. rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit
3. pembekalan semua jenis/ kategori alat; dan
4. rawatan membuat crowning, gigi palsu dan rawatan ortodontik bagi tujuan *corrective measure* yang merupakan rawatan kosmetik.

SOALAN

Sekiranya saya terima invois daripada hospital, apa yang perlu saya lakukan?

JAWAPAN

Kemukakan invois tersebut kepada Unit Sumber Manusia untuk tindakan selanjutnya.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

RAWATAN DI HOSPITAL SWASTA (SKIM KERAJAAN)

SOALAN

Apa yang perlu saya lakukan sekiranya rawatan atau ubat tidak dapat dibekalkan oleh hospital/klinik Kerajaan?

JAWAPAN

Permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan bagi rawatan yang tidak dapat dibekalkan oleh hospital Kerajaan boleh dibuat melalui borang yang sesuai berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009:

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2009/pp212009.pdf>

Rawatan yang dibenarkan untuk didapatkan di hospital swasta sekiranya hospital Kerajaan tidak dapat membekalkan perkhidmatan adalah seperti berikut:

1. Pembekalan ubat
2. Pembekalan alat
3. Perkhidmatan perubatan
4. Rawatan buah pinggang
5. Rawatan kemandulan
6. Rawatan kepakaran
7. Rawatan jantung di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.
8. Rawatan kecemasan
9. Rawatan di luar negeri

Setiap permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009.

SOALAN

Adakah terdapat had yang ditetapkan untuk ubatan yang akan dibekalkan oleh MPOB sekiranya hospital Kerajaan tidak dapat membekalkan ubat tersebut?

JAWAPAN

Tiada had perbelanjaan yang ditetapkan bagi pembekalan ubat. Walau bagaimanapun, pihak Pengurusan hanya boleh meluluskan ubat dengan keperluan penggunaan untuk tempoh tiga (3) bulan sahaja bagi setiap permohonan.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

SOALAN

Apakah syarat-syarat yang ditetapkan untuk permohonan rawatan di hospital swasta sekiranya tidak dapat dibekalkan oleh hospital kerajaan?

JAWAPAN

Antara syarat yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun adalah seperti berikut:

Alat perubatan:

1. Permohonan alat ortopedik melebihi RM10,000 perlu mendapat perakuan daripada KKM
2. Terdapat harga siling ditetapkan bagi pembekalan anggota palsu, kerusi roda, alat bantu pendengaran dan lain-lain
3. Permohonan alat rawatan jantung, alat bantu pernafasan, koklea implant, *colostomy bag* dan *intraocular lens* boleh diluluskan oleh Pengurusan MPOB tanpa sokongan KKM
4. Alat selain daripada di para 3 yang melebihi RM1,000 perlu mendapat sokongan KKM terlebih dahulu.
5. Alat pakai buang **tidak dibenarkan**.

Rawatan penyakit buah pinggang:

1. Rawatan heamodialisis boleh didapatkan di hospital/ pusat dialisis swasta dengan syarat berikut:
 - a. Mendapat perakuan daripada Pakar Perubatan Kerajaan
 - b. Had maksimum perbelanjaan rawatan sahaja adalah RM200 bagi setiap sesi rawatan.
 - c. Perbelanjaan sebelum mendapat kelulusan tidak boleh dipertimbangkan.
 - d. Permohonan perbelanjaan pembedahan *Arterio-Venous Fistula* (AVF) di hospital swasta
 - Kelewatan menunggu giliran pembedahan
 - Pembedahan AVF pertama gagal
 - Pembedahan AVF di hospital swasta lebih baik berbanding Kerajaan.

Rawatan kemandulan

1. Untuk mengatasi *primary infertility* sahaja (tidak pernah mengandung dan menghadapi kesukaran mengandung).
2. Rawatan yang **tidak dibenarkan**:
 - a. Proses mengandung secara bukan semula jadi
 - b. Secondary infertility
3. Rawatan sampingan perlu mendapat sokongan KKM.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

Rawatan kepakaran

1. Kos rawatan yang ditanggung oleh MPOB adalah 80%
2. Kos rawatan yang perlu ditanggung anggota adalah 20%

Institut Jantung Negara

1. Semua perbelanjaan pembedahan perlu mendapat kelulusan Pengurusan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 2009 melalui pautan berikut:

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2009/pp212009.pdf>

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

3. SOALAN LAZIM BERKAITAN KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB (SKIM LEMBAGA)

SKIM LEMBAGA

SOALAN

Siapa yang layak untuk menggunakan kemudahan perubatan skim Lembaga?

JAWAPAN

Kelayakan adalah seperti berikut:

BIL.	KEMUDAHAN	KELAYAKAN
1.	Perubatan Am	<ul style="list-style-type: none">• Anggota, pasangan dan anak-anak di bawah umur 18 tahun atau bawah 21 tahun sekiranya masih belajar. Had umur ini tidak terpakai bagi anak-anak yang “daif” disebabkan kelemahan otak atau jasmani.• Pesara dan pasangan sahaja.• RM1,000 setahun bagi setiap anggota/pesara.• Sekiranya anggota/pesara dan pasangan merupakan anggota/pesara MPOB, setiap individu akan terima RM1,000 seorang.
2.	Rawatan Pergigian	Anggota sahaja.
3.	Rawatan Pakar di hospital swasta	<ul style="list-style-type: none">• MPOB hanya tanggung setakat yang diperuntukkan di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan pindaan terhadapnya.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

KLINIK PANEL MPOB

SOALAN

Bagaimana cara untuk saya menggunakan kemudahan klinik panel?

JAWAPAN

Mulai Januari 2021, MPOB telah membatalkan semua pelantikan klinik panel MPOB seluruh negara dan melantik syarikat HealthMetrics (TPA) untuk menguruskan kemudahan perubatan am dan pergigian MPOB.

Anggota boleh mendapatkan rawatan perubatan am di klinik panel yang dilantik oleh HealthMetrics.

Anggota juga boleh membuat semakan senarai klinik panel, rekod penggunaan, caj-caj yang dikenakan, baki kelayakan tahunan dan lain-lain melalui aplikasi telefon pintar HealthMetrics Employee Apps atau portal healthmetrics.com

SOALAN

Berapa kelayakan saya sekiranya saya dan pasangan merupakan anggota MPOB?

JAWAPAN

Sekiranya anggota/pesara dan pasangan merupakan anggota/pesara MPOB, setiap anggota layak RM1,000 seorang.

SOALAN

Apa yang perlu saya buat semasa di klinik?

JAWAPAN

Maklumkan kepada klinik menggunakan sistem panel HealthMetrics dan beri kad pengenalan semasa mendaftar untuk tujuan pengesahan.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

SOALAN

Apa yang perlu saya lakukan supaya klinik panel sebelum ini menjadi panel kepada HealthMetrics?

JAWAPAN

Untuk makluman, MPOB telah mengemukakan senarai semua klinik panel MPOB sebelum ini kepada pihak HealthMetrics.

Pihak klinik panel perlu menjadi panel HealthMetrics terlebih dahulu sekiranya ingin menjadikan anggota MPOB sebagai pelanggan. Pelantikan klinik panel akan dibuat oleh HealthMetrics dengan terma dan syarat daripada pihak syarikat.

Anggota juga boleh memaklumkan butiran berikut kepada Unit Sumber Manusia sekiranya ingin menjadikan klinik swasta sebagai panel:

1. Nama klinik
2. Alamat klinik
3. Nama pegawai bertanggungjawab
4. Nombor telefon
5. Alamat e-mel pegawai

Klinik juga boleh membuat permohonan sendiri melalui:

<https://healthmetrics.com/healthcare-partner-registration/>

SOALAN

Adakah saya boleh membuat tuntutan semula sekiranya mendapat rawatan di klinik bukan panel?

JAWAPAN

Tidak. Anggota tidak dibenarkan mendapatkan rawatan di klinik bukan panel.

Pihak Pengurusan hanya akan meluluskan tuntutan rawatan pergigian bagi **anggota Sabah dan Sarawak sahaja** kerana kurang klinik panel di sana.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

SOALAN

Apa yang saya perlu lakukan sekiranya klinik panel HealthMetrics minta bayaran?

JAWAPAN

Sila hubungi hotline HealthMetrics di talian 03-7661 6229 (24 jam) dengan kadar segera dan pihak HealthMetrics akan mengambil tindakan selanjutnya.

SOALAN

Apa yang perlu saya lakukan sekiranya tidak menerima ubat seperti yang dicaj dalam sistem dan ingin melaporkan sebarang masalah berkaitan sistem?

JAWAPAN

Sila hubungi hotline HealthMetrics di talian 03-7661 6229 (24 jam) dengan kadar segera dan pihak HealthMetrics akan mengambil tindakan selanjutnya.

SOALAN

Bagaimana saya ingin mengemas kini senarai tanggungan di dalam sistem?

JAWAPAN

Sila kemukakan butiran berikut kepada Unit Sumber Manusia untuk dikemas kini di dalam sistem HRS MPOB dan HealthMetrics:

1. Salinan Kad Pengenalan
2. Sijil/ dokumen pernikahan
3. Sijil lahir
4. Sijil/ dokumen OKU (sekiranya berkaitan)
5. Surat pengesahan sambung belajar
6. Lain-lain dokumen berkaitan

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

SOALAN

Apa yang ditanggung dalam RM1,000?

JAWAPAN

Rawatan yang **dibenarkan** adalah seperti berikut:

1. Rawatan am pesakit luar, termasuk bekalan ubat.
2. Suntikan pelalian/ pencegahan seperti antibiotic, Triple & Polio, Rubella (Jerman Measles), Anti Tetanus (kancing gigi), BCG, Measles (campak), Mump (beguk), cholera (taun) dan suntikan lain yang dibenarkan oleh Kerajaan seperti vaksin bayi.

Rawatan yang **tidak ditanggung** dalam perubatan am adalah seperti berikut:

1. Sakit Kelamin atau penyakit yang berkaitan.
2. Sebarang bentuk perubatan / alat-alat pencegah kehamilan.
3. Ujian pemeriksaan darah tanpa sebab - sebab yang munasabah.
4. Rawatan-rawatan lain yang ditakrif sebagai rawatan pakar
5. Rawatan pergigian
(rawatan pergigian di klinik swasta hanya dibenarkan kepada anggota sahaja dengan peruntukan RM500.00 setahun)
6. Rawatan alternatif
7. Makanan tambahan termasuk pil vitamin

SOALAN

Apa yang perlu saya sekiranya RM1,000 telah habis digunakan?

JAWAPAN

Anggota perlu mendapatkan **rawatan di hospital Kerajaan** sekiranya berhadapan situasi berikut:

1. Had tahunan RM1,000 telah habis dibelanjakan.
2. Memerlukan pembekalan ubat-ubatan yang berterusan.
3. Dirujuk untuk mendapatkan rawatan pakar.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

SOALAN

Adakah pesara layak?

JAWAPAN

Ya, pesara yang mempunyai kriteria berikut layak menggunakan kemudahan ini:

1. Pesara wajib, pesara pilihan dan pesara atas sebab kesihatan yang bersara semenjak tahun 2000:

KATEGORI	TEMPOH PERKHIDMATAN
Pesara pilihan sendiri	<ol style="list-style-type: none">1. Telah berkhidmat dengan MPOB tidak kurang daripada 30 tahun.2. Berumur 55 tahun ke atas sekiranya tempoh perkhidmatan tidak mencukupi 30 tahun.
Pesara atas sebab kesihatan	Tanpa mengambil kira tempoh perkhidmatan dengan MPOB.

2. Kemudahan klinik diberikan kepada pasangan pesara sepanjang hayat pesara sahaja.

SOALAN

Saya akan bersara wajib pada 25 September 2021 dan telah menggunakan RM530, adakah kelayakan saya akan kembali kepada RM1,000 pada 26 Februari 2021?

JAWAPAN

Tidak. Baki kelayakan tersebut akan diteruskan sehingga Disember 2021 dan akan kembali kepada RM1,000 pada Januari 2022.

RAWATAN PERGIGIAN

SOALAN

Bagaimana saya ingin dapatkan rawatan pergigian?

JAWAPAN

Mulai Januari 2021, MPOB telah melantik syarikat HealthMetrics untuk menguruskan kemudahan perubatan am dan pergigian MPOB.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

Anggota boleh mendapatkan rawatan pergigian di klinik panel yang dilantik oleh HealthMetrics.

Senarai klinik panel boleh dilihat melalui aplikasi telefon pintar HealthMetrics Employee Apps atau portal healthmetrics.com.

SOALAN

Apa yang perlu saya lakukan sekiranya ingin mendapatkan rawatan di klinik pergigian kegemaran saya.

JAWAPAN

Anggota boleh terus mendapatkan rawatan sekiranya klinik tersebut panel kepada HealthMetrics.

Jika bukan panel, sila kemukakan kepada Unit Sumber Manusia butiran klinik pergigian tersebut untuk dipanjangkan kepada HealthMetrics untuk pertimbangan:

1. Nama klinik
2. Alamat klinik
3. Nama pegawai bertanggungjawab
4. Nombor telefon
5. Alamat e-mel pegawai

Klinik tersebut juga boleh membuat permohonan melalui:

<https://healthmetrics.com/healthcare-partner-registration/>

SOALAN

Apa rawatan yang dibenarkan?

JAWAPAN

Rawatan yang **dibenarkan** adalah seperti berikut:

1. tampilan biasa;
2. Mencabut;
3. mengikis (*scaling*);
4. rawatan *root canal*; dan
5. rawatan-rawatan yang bukan bertujuan kosmetik

Rawatan yang **tidak dibenarkan** adalah seperti berikut:

1. rawatan bagi tujuan kosmetik seperti *crowning*, membuat dan membaiki gigi palsu
2. rawatan ortodontik bagi tujuan *corrective measures* seperti *braces* dan *retainer*.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

SURAT JAMINAN MPOB

SOALAN

Apakah dasar terkini yang ditetapkan oleh MPOB mengenai GL MPOB?

JAWAPAN

Mulai 8 Februari 2021, pihak Pengurusan MPOB telah menetapkan bahawa had yang dibenarkan di dalam surat jaminan (GL) MPOB seperti berikut:

1. Anggota : RM2,500
2. Pasangan dan anak-anak : RM2,000

Ini bermaksud anggota perlu membuat pembayaran terus kepada hospital swasta bagi caj rawatan melebihi had GL yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, kakitangan boleh menuntut semula kos rawatan yang telah dibayar. Pengurusan MPOB hanya akan membayar balik kos rawatan yang diperuntukkan di bawah Perintah Fi (Perubatan).

SOALAN

Siapa yang layak dan tidak layak menggunakan GL MPOB?

JAWAPAN

Individu yang layak adalah anggota, pasangan dan anak-anak yang berusia bawah 18 tahun atau bawah 21 tahun sekiranya masih belajar. Had umur ini tidak terpakai bagi anak-anak yang "daif" disebabkan kelemahan otak atau jasmani.

Anggota yang tidak layak:

BIL.	KATEGORI ANGGOTA	CADANGAN PENGURUSAN
1.	Mempunyai masalah keterhutangan kewangan yang serius (potongan emolumen bulanan melebihi 60%)	1. Mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan
2.	Mempunyai tempoh kumulatif bayaran balik bil perubatan melebihi 12 bulan	2. Menggunakan insurans MPOB sekiranya dimasukkan ke wad (anggota sahaja)
3.	Baki tempoh perkhidmatan kurang 6 bulan (bakal pesara dan anggota kontrak)	3. Mendapatkan rawatan di klinik panel (anggota dan keluarga)
4.	Telah mendapat notis penamatan kontrak dan anggota yang telah mengeluarkan notis meletak jawatan.	4. Pay & claim

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

SOALAN

Bagaimana saya ingin memohon GL MPOB?

JAWAPAN

Sila isi borang permohonan rawatan pakar di hospital swasta yang terkini dan e-mel kepada perubatan@mpob.gov.my atau ayu@mpob.gov.my atau zulhakim@mpob.gov.my:

http://usm.mpob.gov.my/kemudahan/cuti/2021_Rawatan_Pakar_v2.pdf

SOALAN

Adakah saya boleh menggunakan rawatan di hospital swasta selepas ini untuk bersalin? Saya sanggup bayar balik kepada MPOB.

JAWAPAN

Boleh. Sekiranya anda tergolong di dalam kategori yang layak menggunakan GL MPOB. Had GL yang ditetapkan untuk anggota yang berkelayakan adalah RM2,500 bagi satu rawatan.

Sekiranya kos rawatan tersebut melebihi RM2,500, anggota perlu membayar lebihan kos terus kepada pihak hospital swasta.

Contoh rawatan bagi rawatan tanggungan di hospital swasta:

Kos keseluruhan : RM10,000

GL MPOB : RM2,500

Kos yang perlu dibayar terus kepada hospital: RM7,500

Walau bagaimanapun, kakitangan boleh menuntut semula kos rawatan yang telah dibayar. Pengurusan MPOB hanya akan membayar balik kos rawatan yang diperuntukkan di bawah Perintah Fi Perubatan.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

Contoh pengiraan kos rawatan yang tidak ditanggung MPOB:

Contoh 1:

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
A.	Jumlah Keseluruhan Caj Rawatan	10,000.00
B.	GL MPOB	2,500.00
C.	Jumlah yang perlu dibayar oleh anggota kepada hospital (A – B)	7,500.00
D.	Jumlah caj rawatan yang ditanggung oleh MPOB berdasarkan Perintah Fi (Perubatan)	3,000.00
E.	Jumlah yang layak dituntut (D – B)	500.00

Di dalam **Contoh 1** ini, anggota layak menuntut RM500 sahaja daripada RM7,500 yang telah dibayar sendiri kepada hospital swasta.

Contoh 2:

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
A.	Jumlah Keseluruhan Caj Rawatan	10,000.00
B.	GL MPOB	2,500.00
C.	Jumlah yang perlu dibayar oleh anggota kepada hospital (A – B)	7,500.00
D.	Jumlah caj rawatan yang ditanggung oleh MPOB berdasarkan Perintah Fi (Perubatan)	1,500.00
E.	Jumlah yang layak dituntut (D – B)	-1,000.00

Di dalam **Contoh 2** ini, anggota perlu membayar balik RM1,000 kepada MPOB dalam tempoh ansuran 12 bulan.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

SOALAN

Saya bakal bersara 3 bulan lagi, adakah saya boleh mohon GL MPOB?

JAWAPAN

Tidak. Pihak pengurusan telah menetapkan bahawa bakal pesara yang baki perkhidmatan kurang daripada 6 bulan tidak dibekalkan GL MPOB. Walau bagaimanapun, bakal pesara masih lagi boleh mendapatkan rawatan di hospital swasta dengan kaedah **pay & claim**.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

4. SOALAN LAZIM BERKAITAN KEMUDAHAN INSURANS MPOB

INSURANS MPOB

SOALAN

Apakah polisi insurans yang melindungi anggota MPOB?

JAWAPAN

Anggota dilindungi oleh dua (2) polisi insurans seperti berikut:

1. Insurans Penghospitalan dan Pembedahan Berkelompok (GHS)
2. Insurans Kemalangan Diri Berkelompok (GPA)

Sila rujuk usm.mpopb.gov.my untuk maklumat lanjut mengenai jadual manfaat GHS dan GPA.

INSURANS GHS

SOALAN

Siapa yang layak menggunakan insurans MPOB?

JAWAPAN

Anggota sahaja.

SOALAN

Bagaimana saya ingin menggunakan insurans GHS MPOB?

JAWAPAN

Hospital Kerajaan

Anggota perlu memaklumkan kepada Unit Sumber Manusia mengenai tarikh kemasukan wad di hospital Kerajaan kerana pihak insurans perlu mengeluarkan surat jaminan secara manual. Dokumen yang diperlukan adalah:

1. Salinan kad pengenalan
2. Surat arahan kemasukan ke wad

Hospital Swasta

1. Anggota boleh mendaftar kemasukan wad menggunakan kad insurans yang dibekalkan oleh Unit Sumber Manusia dan mengemukakan kad pengenalan untuk pengesahan.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

2. Sekiranya kad tersebut tiada semasa mendaftar, anggota boleh memaklumkan kepada pihak hospital untuk menggunakan insurans Takaful Malaysia dan TPA MediExpress atau hubungi *hotline 1-300-80-0020 (24 jam)*.

SOALAN

Apakah kelayakan insurans saya?

JAWAPAN

Sila rujuk usm.mpopb.gov.my untuk maklumat lanjut mengenai jadual manfaat GHS dan GPA.

SOALAN

Berapa lama tempoh menunggu untuk kemasukan dan discaj wad?

JAWAPAN

Anggaran tempoh 3 jam diperlukan bagi urusan kemasukan dan keluar wad, tertakluk kepada dokumen yang dikemukakan oleh pihak hospital kepada pihak insurans.

SOALAN

Adakah saya akan dicaj semasa keluar wad sekiranya terdapat rawatan/perkhidmatan tambahan yang diterima tidak ditanggung oleh pihak insurans?

JAWAPAN

Anggota boleh keluar wad dengan tidak membuat sebarang bayaran kerana pihak insurans akan membayar terlebih dahulu keseluruhan caj rawatan dan mengemukakan tuntutan bagi rawatan yang tidak ditanggung kepada MPOB.

Unit Sumber Manusia akan membuat pengiraan bagi kos rawatan yang tidak ditanggung oleh pihak insurans dan MPOB. Seterusnya invois akan dikeluarkan kepada anggota.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

SOALAN

Adakah kemasukan wad disebabkan COVID-19 dan ujian saringan COVID-19 ditanggung oleh insurans GHS MPOB?

JAWAPAN

Tidak. COVID-19 dikategorikan sebagai penyakit pandemik atau penyakit berjangkit. Oleh yang demikian, perkara ini diletakkan di bawah senarai pengecualian di bawah polisi GHS MPOB.

Walau bagaimanapun, anggota yang telah membuat ujian saringan COVID-19 boleh membuat tuntutan balik melalui Tabung Ujian Saringan COVID-19 (CTF).

Sila layari laman web www.MyCTF.my atau hubungi nombor *hotline* di 15500/1-300-22-1188 untuk maklumat lanjut.

Dokumen yang diperlukan untuk tuntutan adalah seperti jadual berikut :

Bil.	Dokumen yang diperlukan	Tuntutan Saringan COVID-19
1.	Borang tuntutan (laman web www.MyCTF.my)	✓
2.	Salinan surat rujukan doktor untuk melakukan ujian saringan COVID-19	✓
3.	Salinan Kad Pengenalan	✓
3.	Resit asal	✓

No. Polisi insurans MPOB : 30000734

Tarikh tamat permohonan : 30 Jun 2021

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

INSURANS GPA

SOALAN

Apakah kelayakan insurans saya?

JAWAPAN

Sila rujuk usm.mpopb.gov.my untuk maklumat lanjut mengenai jadual manfaat GHS dan GPA.

SOALAN

Apakah jenis kemalangan yang dibenarkan untuk tuntutan GPA?

JAWAPAN

Anggota yang mengalami apa-apa jenis kemalangan seperti kemalangan jalan raya, kemalangan di rumah, digigit serangga atau haiwan dan lain-lain boleh membuat tuntutan insurans GPA. Insurans ini melindungi anggota 24 jam di seluruh dunia.

Bagi tujuan ini, bilangan cuti sakit sekurang-kurangnya tujuh (7) hari diperlukan.

Anggota hanya perlu memaklumkan kepada Unit Sumber Manusia butiran berikut dalam masa tujuh (7) hari daripada tarikh kemalangan:

1. Nama
2. Nombor kad pengenalan
3. Nombor kakitangan
4. Tarikh kemalangan
5. Tempat kemalangan
6. Sebab kemalangan berlaku
7. Kecederaan
8. Tempat bertugas
9. No. Telefon untuk dihubungi
10. Bilangan hari cuti sakit yang diperoleh setakat tarikh makluman

SOALAN

Siapa yang perlu maklumkan kepada Unit Sumber Manusia mengenai kemalangan saya?

JAWAPAN

Anggota sendiri atau pegawai atasan atau penyelaras cuti.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN PERUBATAN MPOB

SOALAN

Apakah dokumen yang diperlukan untuk membuat tuntutan GPA?

JAWAPAN

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

1. Laporan perubatan yang telah dilengkapkan oleh Pegawai Perubatan hospital
2. Salinan kad pengenalan
3. Salinan slip gaji 3 bulan sebelum kemalangan dan sehingga habis cuti sakit
4. Salinan laporan Polis (jika melibatkan kemalangan jalanraya)
5. Sijil Cuti Sakit yang asal
6. Sijil kerja ringan yang asal (jika ada)
7. Salinan lesen memandu yang sah semasa hari kejadian
8. Salinan sijil kematian (jika berkaitan)
9. Gambar kemalangan dan kecederaan